



# Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor, Sistem Jemaah Menteri Kelantan dan Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu

Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor	Sistem Jemaah Menteri Kelantan	Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu
<ul style="list-style-type: none"> <li>Berkuatkuasa tahun 1895.</li> <li>Sultan Johor mestilah Melayu, lelaki, beragama Islam dan waris pemerintah Johor.</li> <li>Raja, Menteri dan Jemaah Pangkuan Negeri dilarang menyerahkan negeri kepada kerajaan lain.</li> <li>Majlis Mesyuarat Kerajaan terbahagi dua, iaitu Majlis Negeri dan Jemaah Menteri.</li> <li>Majlis Negeri berkuasa dalam perundangan dan dipengerusikan oleh Menteri Besar. Majlis ini membantu Sultan dan Jemaah Menteri dalam mentadbir negeri.</li> <li>Jemaah Menteri pula bertindak sebagai kuasa pelaksana yang terdiri daripada lapan hingga 12 orang pegawai kanan kerajaan. Mereka perlu berbangsa Melayu, beragama Islam dan rakyat Johor.</li> <li>Majlis Mesyuarat Kerajaan pula merupakan pegawai kerajaan yang dilantik menjadi Menteri dan taat setia kepada raja dan kerajaan Johor.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diamalkan sejak zaman Sultan Muhammad I dan diperkemaskan oleh Sultan Muhammad II.</li> <li>Badan ini terdiri daripada lapan orang Jemaah menteri dan setiap Jemaah dianggotai oleh empat orang pembesar yang mempunyai tugas yang berlainan.</li> <li>Sultan Muhammad II memperkemaskan sistem ini dengan menyingkirkan kerabat yang terlibat dalam perbalahan.</li> <li>Lapan badan tersebut ialah Jemaah Penasihat Raja, Jemaah Menteri Istana, Jemaah Menteri Keadilan dan Kehakiman, Jemaah Menteri Dalam Negeri, Jemaah Menteri Luar, Jemaah Menteri Perbendaharaan, Jemaah Menteri Peperangan dan Jemaah Menteri Pentadbiran dan Pengimarah Negeri.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Diluluskan oleh Sultan Zainal Abidin III pada tahun 1911.</li> <li>Dikenali sebagai Ittikan-ilmuluk bi-ta'dil il-suluk yang bermaksud keyakinan kepada pemerintah yang berdasarkan keadilan.</li> <li>Sistem beraja dan agama Islam sebagai agama negeri dikekalkan.</li> <li>Sultan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Jemaah Menteri.</li> <li>Mereka dilarang daripada menyerahkan negeri kepada kuasa lain.</li> <li>Majlis Mesyuarat Kerajaan diketuai oleh Menteri Besar. Badan ini bertanggung jawab membantu sultan dan Jemaah Menteri dalam mentadbir negeri, menggubal undang-undang, menjaga kebajikan rakyat, menjaga keamanan dan menjalin hubungan persahabatan dengan negeri lain.</li> <li>Jemaah Menteri berhak memilih Naib menteri Besar setelah diperkenankan oleh Sultan.</li> </ul>